

**MERAK PONGSU**  
Malaysian Peacock  
Pheasant

FAMILI: Phasianidae  
NAMA SAINTIFIK: *Polyplectron malacense*



#### CIRI-CIRI

Burung jantan mempunyai warna coklat yang lebih cerah khususnya di bahagian atas badan dengan corak sfera pada hujung bulu yang lebih kehijauan, jambul yang lebih panjang dan berwarna hijau gelap berkilat, bahagian atas kepala dan belakang tengkuk yang lebih kehitaman, bulu penutup telinga yang lebih gelap (yang berbeza dengan kawasan sekeliling yang pucat) dan bahagian bawah badan yang lebih pucat dengan sedikit jalur-jalur berombak kehitaman atau oren kekuningan pada bahagian atas dada. Panjang keseluruhan bagi burung jantan adalah di antara 50.0-50.3 sm manakala bagi burung betina, ia mempunyai panjang di antara 40.0-45.0 sm.

#### HABITAT

Ia mendiami kawasan hutan dipterokop tanah pamah hingga ke ketinggian 305 m dari aras laut.

#### MAKANAN

Ia memakan serangga, invertebrata, biji-bijian, buah-buahan, pucuk tumbuhan dan lain-lain lagi.

#### BUNYI

Burung jantan selalunya akan berbunyi sebagai kawalan kawasan dengan bunyi yang kuat, jelas, dan agak mendayu *PUU PWOII* atau *PUU PWORR* (nota kedua adalah lebih kuat dan meningkat). Ia juga akan mengeluarkan bunyi jujukan mengejut kekekan *THCI-THCI-TCHAO-THAO wuk-wuk-wuk-wuk-wuk*.

#### PEMBIAKAN

Musim membiak adalah dari bulan Mac hingga September setiap tahun dengan burung betina menghasilkan sebiji telur bagi setiap eraman di dalam sarang yang dibina di atas tanah atau di atas busut anai-anai.

#### STATUS

Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya ;  
CITES, appendiks 2.

